Shenzhen Heg Import and Export Co Ltd lwn Ong Ban Chai (sebuah firma guaman yang beramal di atas nama dan gaya Tetuan Ong Bang Chai sebagai pemilik tunggal) dan satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — GUAMAN SIVIL NO JA-22NCVC-69–04 TAHUN 2016
AHMAD KAMAL PK
26 MAC 2018

Agensi — Ejen — Kewajipan ejen — Kewajipan fidusiari — Plaintif melantik defendan kedua sebagai ejen plaintif — Defendan pertama sebagai pemegang amanah menyerahkan wang penyelesaian penuh kepada defendan kedua — Defendan kedua tidak menyerahkan wang penyelesaian kepada plaintif — Sama ada defendan kedua mempunyai tanggungjawab fidusiari ke atas plaintif — Sama ada defendan kedua telah melanggar kewajipan fidusiari — Sama ada defendan pertama telah didorong untuk mempercayai bahawa pembayaran kepada defendan kedua adalah dalam bidang kuasa defendan kedua sebagai ejen plaintif

Profesion Perundangan — Tanggungan fidusiari — Pemegang amanah — Plaintif melantik defendan pertama sebagai pemegang amanah untuk menerima jumlah wang penyelesaian penuh bagi pihak plaintif — Defendan pertama gagal menyerahkan baki bayaran kepada plaintif — Sama ada defendan pertama mempunyai kewajipan fidusiari ke atas plaintif — Sama ada defendan pertama telah melanggar kewajipan fidusiari — Sama ada defendan pertama telah didorong untuk mempercayai bahawa pembayaran kepada defendan kedua adalah dalam bidang kuasa defendan kedua sebagai ejen plaintif

Plaintif telah memfailkan saman ini terhadap defendan-defendan untuk mendapatkan perintah agar defendan-defendan membayar kepada plaintiff jumlah wang sebanyak RM902,597.11 yang merupakan 'jumlah baki penyelesaian penuh' yang telah diberikan oleh defendan pertama kepada defendan kedua tanpa kebenaran plaintif, faedah, kos dan relif selanjutnya yang difikirkan wajar. Defendan pertama pula telah memfailkan notis terhadap defendan kedua mengikut A 16 k 8 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ('KKM 2012') sekiranya defendan pertama didapati bertanggungan kepada tuntutan plaintif, maka defendan pertama menuntut daripada defendan kedua perintah-perintah berikut: (a) defendan pertama berhak kepada sumbangan daripada defendan kedua terhadap liabiliti berkenaan dengan tuntutan plaintif yang dinyatakan dalam writ dan penyataan tuntutan; (b) bahawa defendan pertama berhak untuk ditanggung rugi oleh defendan kedua terhadap liabiliti berkenaan dengan tuntutan plaintif; dan (c) bahawa defendan pertama berhak

kepada relif atau remedi lain daripada defendan kedua terhadap liabiliti berkenaan tuntutan plaintif. Plaintif telah melantik defendan pertama sebagai peguamcaranya untuk memulakan prosiding penggulungan syarikat terhadap Bersatu Noodles manakala defendan kedua telah dilantik oleh plaintif untuk bertindak sebagai ejen plaintif untuk menandatangani segala dokumen bagi pihak plaintif. Dalam prosiding penggulungan syarikat tersebut plaintif telah mencapai penyelesaian dengan Bersatu Noodles dan pihak-pihak telah bersetuju bahawa defendan pertama akan menerima jumlah penyelesaian penuh tersebut bagi pihak plaintif dan akan mengemukakan wang tersebut kepada plaintif. Defendan pertama telah menerima jumlah penyelesaian tersebut secara berperingkat melalui 11 keping cek namun defendan pertama hanya membayar kepada plaintif melalui empat keping cek manakala baki enam ansuran bulanan lagi telah dibayar oleh defendan pertama kepada defendan kedua sebagai ejen plaintif. Plaintif menghujahkan bahawa defendan pertama telah memberikan baki penyelesaian penuh tersebut kepada defendan kedua tanpa pengetahuan plaintif dan plaintif tidak pernah membenarkan defendan pertama untuk memberikan wang tersebut kepada defendan kedua. Plaintif menyatakan bahawa defendan pertama telah melanggar kewajipan fidusiarinya sebagai pemegang amanah apabila menyerahkan wang penyelesaian penuh tersebut kepada defendan kedua. Defendan pertama menyatakan bahawa defendan kedua telah mengarahkan defendan pertama untuk memajukan kepada defendan kedua baki enam ansuran bulanan dan defendan pertama telah didorong untuk mempercayai bahawa pembayaran enam ansuran bulanan kepada defendan kedua adalah dalam bidang kuasa defendan kedua sebagai agen kepada plaintif. Defendan pertama telah melaksanakan tugasnya dengan memajukan jumlah tuntutan plaintif kepada defendan kedua sebagai ejen plaintif dan tidak lagi memegang apa-apa wang bagi plaintif. Defendan kedua pula menyatakan bahawa atas kecuaian defendan pertama sendiri enam keping cek selama enam bulan berturut-turut telah dikeluarkan atas nama defendan kedua oleh defendan pertama tanpa mendapatkan kebenaran dan/atau pengesahan plaintif menyebabkan defendan kedua didorong untuk mempercayai bahawa cek-cek tersebut adalah komisyen dan/atau sumbangan yang mana defendan kedua berhak untuk menerimanya. Isu-isu yang perlu diputuskan adalah: (i) sama ada defendan pertama dan kedua mempunyai kewajipan fidusiari kepada plaintif; (ii) sama ada defendan pertama dan defendan kedua telah melanggari kewajipan fidusiari untuk melepaskan RM902,597.11 kepada plaintiff; dan (iii) sama ada defendan pertama telah didorong dan/atau direpresentasikan untuk mempercayai bahawa pembayaran RM902,597.11 melalui enam ansuran kepada defendan kedua adalah dalam bidang kuasa defendan kedua sebagai ejen plaintif.

Diputuskan, membenarkan tuntutan plaintif dan defendan pertama:

(1) Defendan pertama dan kedua mempunyai kewajipan fidusiari terhadap plaintif berdasarkan fakta dalam kes ini. Apabila defendan pertama menerima wang penyelesaian penuh untuk diberikan kepada plaintif, defendan pertama sebenarnya memegang wang tersebut bagi pihak plaintif sebagai pemegang amanah dan apabila defendan kedua menerima baki wang penyelesaian penuh sebagai ejen plaintif adalah menjadi tanggungjawab defendan kedua untuk menyerahkan baki wang penyelesaian penuh tersebut kepada plaintif (lihat perenggan 42).

(2) Defendan pertama sepatutnya menentusahkan terlebih dahulu dengan plaintif sebelum melepaskan baki wang penyelesaian penuh kepada defendan kedua kerana empat ansuran sebelum ini dibayar terus kepada defendan pertama, kegagalan ini telah menunjukkan bahawa defendan pertama telah gagal melaksanakan tanggungjawab dan telah melanggar kewajipan fidusiarinya kepada plaintif (lihat perenggan 50–51).

(3) Defendan kedua sebagai ejen plaintif berhak untuk memberi arahan kepada defendan pertama oleh itu bayaran oleh defendan pertama kepada defendan kedua sebagai ejen plaintif adalah sah (lihat perenggan 72).

(4) Defendan pertama telah melepaskan RM902,597.11 kepada defendan kedua sebagai ejen plaintif berdasarkan surat kuasa wakil bertarikh 16 Julai 2012 yang bukan sekadar membenarkan defendan kedua mewakili plaintif dalam tuntutan penggulungan syarikat terhadap Bersatu Noodles tetapi termasuk juga menerima baki jumlah penyelesaian penuh tersebut. Berdasarkan dapatan di atas, defendan pertama berjaya membuktikan kesnya di atas kadar kebarangkalian ke atas defendan kedua (lihat perenggan 85).

[English summary

The plaintiff had filed this suit against the defendants to obtain an order that the defendants pay to the plaintiff sums of monies amounting to RM902,597.11 which constitutes the remaining settlement sum which was given by the first defendant to the second defendant without the plaintiff's permission, interest, costs and other further relief as the court sees fit. The first defendant had filed a notice against the second defendant under O 16 r 8 of the Rules of Court 2012 ('the ROC 2012') in the event the first defendant is found to be liable to the claim of the plaintiff, therefore the first defendant claims from the second defendant the following orders: (a) the first defendants is entitled to contribution from the second defendant towards the liability concerning the plaintiff's claim which was stated in the writ and statement of claim; (b) that the first defendant is entitled to be to be bound to be compensated by the second defendant towards the liability concerning the plaintiff's claim; (c) that the first defendant is entitled to relief or other remedies from the second defendants towards the said liability concerning the

plaintiff's claim. The plaintiff had appointed the first defendant as his solicitor to institute winding up proceedings against Bersatu Noodles whiles the second defendant was appointed by the plaintiff to act as agent to execute all documents on behalf of the plaintiff. In the said winding up proceedings the plaintiff had reached a settlement with Bersatu Noodles and parties had agreed that the first defendant will obtain the full settlement sum in instalments through 11 cheques however the first defendant only paid to the plaintiff vide four cheques however the remaining six monthly instalments were paid by the first defendant to the second defendant as agents to the plaintiff. The plaintiff submits that the first defendant had given the remainder full settlement sum to the second defendant without the plaintiff's knowledge and the plaintiff never allowed the first defendant to give the said monies to the second defendant. The plaintiff avers that the first defendant had breached his fiduciary duties as stakeholder when delivering the monies relating to the said settlement to the second defendant. The first defendant stated that the second defendant had instructed the first defendant to forward to the second defendant the remaining six instalments and the first defendant was lead to believe that the payment of the six instalments to the second defendant is within the defendants power as agent to the plaintiff. The first defendant had carried out its duties by forwarding the plaintiff's claimed sum to the second defendant as the plaintiff's agents and no longer holds any money on behalf of the plaintiff. The second defendant states that's it was on the negligence of the first defendant that the six cheques for a period of six consecutive months were issued on the name of the second defendant by the first defendant without obtaining the consent and/or confirmation of the plaintiff which caused the second defendant being lead to believe that the said cheques were commission and/or contribution which the second defendant is entitled to receive. The issues to be determined were: (a) whether the first and second defendant had a fiduciary duty towards the plaintiff; (b) whether the first and second defendant had breached their fiduciary duties for releasing RM902,597.11 to the plaintiff; and (c) whether the first defendant was induced and/or represented to believe that the payment of RM902,597.11 vide six instalments to the second defendant is within the defendants power as the plaintiff's agent.

Held, allowing the claim of the plaintiff and the first defendant:

(1) The first and second defendant has a fiduciary duty towards the plaintiff based on the facts of the case. When the first defendant received the fill settlement monies to be given to the plaintiff, the first defendant was actually holding the monies on behalf of the plaintiff as a stakeholder and when the second defendant received the monies as the plaintiff's agent it is the second defendant's responsibility to deliver the balance of the full settlement sum to the plaintiff (see para 42).

(2) The first defendant ought to firstly confirm with the plaintiff before releasing the balance of the full settlement monies to the second

defendant because the four previous instalments were paid directly to the first defendant, this failure has shown the first defendant had failed to carry out his responsibility and breached its fiduciary duty to the plaintiff (see paras 50–51).

(3) The second defendant as the plaintiff's agent is entitled to give instructions to the first defendant therefore the first defendant's payment of the second defendant as the plaintiff's agent is valid (see para 72).

(4) The first defendant had released RM902,597.11 to the second defendant as the plaintiff's agent based on the Power of Attorney dated 16 July 2012 which not only empowered the second defendant to represent the plaintiff in the winding up claim against Bersatu Noodles but also includes receiving the said balance full settlement sum. Based on the above finding, the first defendant succeeded in proving its case against the second defendant on a balance of probabilities (see para 85).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai kewajipan ejen, lihat 1(2) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 1499.

Untuk kes-kes mengenai tanggungan fidusiari secara am, lihat 9 *Mallal's Digest* (5th Ed, 2018 Reissue) perenggan 1720–1736.

Kes-kes yang dirujuk

Ahmad bin Daud v Koperasi Jimat Cermat dan Pinjaman Mercantile Bhd [2011] 4 MLJ 516, MT (dirujuk)

Bristol and West Building Society v Mothew [1998] Ch 1, MR (dirujuk)

Datuk M Kayveas & Anor v Bar Council [2013] 5 MLJ 640; [2013] 7 CLJ 533, MP (dirujuk)

Gurbachan Singh s/o Bagawan Singh & Ors v Vellasamy s/o Pennusamy & Ors (on their behalf and for the 213 sub-purchasers of plots of land known as PN35553, Lot 9108, Mukim Hutan Melintang, Hilir Perak) and other appeals [2015] 1 MLJ 773; [2015] 1 CLJ 719, MP (dirujuk)

Lee Hark Lam & Ors v Kebun Rimau Sdn Bhd & Anor [2016] 6 MLJ 751, MR (dirujuk)

Pengerang Farm Sdn Bhd v Pentadbir Tanah Daerah Kota Tinggi [2017] MLJU 214, MR (dirujuk)

The Board of Trustees of the Sabah Foundation & Ors v Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed & Anor [2008] 5 MLJ 469, MP (dirujuk)

Toh Theam Hock v Kemajuan Perwira Management Corp Sdn Bhd [1988] 1 MLJ 116, MA (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 16 k 8

Mohamad Sofian bin Samsudin (Lennon Seow bersamanya) (Lau, Wong & Partners) bagi pihak plaintif.

George Neo (HS Gun bersamanya) (Yeo Chambers) bagi pihak defendan pertama.

CS Lim (Lim, Wong & Partners) bagi pihak defendan kedua.

Ahmad Kamal PK:

PENGENALAN

[1] Plaintif telah memfailkan writ saman dan penyataan tuntutan terhadap defendan-defendan untuk mendapatkan perintah-perintah berikut:

(a) defendan pertama dan defendan kedua membayar plaintif jumlah wang sebanyak RM902,597.11 yang merupakan 'jumlah baki penyelesaian penuh' yang telah diberikan oleh defendan pertama kepada defendan kedua tanpa kebenaran plaintif;

(b) defendan pertama dan defendan kedua membayar plaintif faedah ke atas jumlah baki penyelesaian penuh atas kadar 5% setahun dikira setiap hari dari tarikh penghakiman sehingga penyelesaian penuh tuntutan plaintif;

(c) kos; dan

(d) relif selanjutnya yang difikirkan wajar oleh mahkamah yang mulia ini.

[2] Defendan pertama telah memfailkan notis terhadap defendan kedua untuk menuntut sumbangan, indemniti dan/atau relif lain mengikut A 16 k 8 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ('KKM 2012') sekiranya defendan pertama didapati bertanggungan kepada tuntutan plaintif, maka defendan pertama menuntut daripada defendan kedua perintah-perintah berikut:

(a) bahawa defendan pertama berhak kepada sumbangan daripada defendan kedua terhadap liabiliti berkenaan dengan tuntutan plaintif yang dinyatakan dalam writ dan penyataan tuntutan;

(b) bahawa defendan pertama berhak untuk ditanggung rugi oleh defendan kedua terhadap liabiliti berkenaan dengan tuntutan plaintif yang dinyatakan dalam writ dan penyataan tuntutan;

(c) bahawa defendan pertama berhak kepada relif atau remedi lain daripada defendan kedua terhadap liabiliti berkenaan tuntutan plaintif yang dinyatakan dalam writ dan penyataan tuntutan;

(d) kos; dan

(e) lain-lain relif yang dianggap sesuai dan munasabah oleh mahkamah.

LATAR BELAKANG KES

[3] Plaintif merupakan sebuah syarikat yang ditubuhkan di China dan mempunyai alamat berdaftar di RM2621, 26/F, Shenzhen International Centre, Renmin Road South, Luohu, Shenzhen.

[4] Defendan pertama merupakan firma guaman yang mempunyai alamat berdaftar di Suite 704–707, Tingkat 7, Johor Tower, Jalan Gereja, 80100 Johor.

[5] Defendan Kedua adalah seorang warganegara Malaysia yang mempunyai alamat kediamannya di No 12B-1, Tingkat 1, Jalan Tun Abdul Razak (Susur 4) 80000 Johor Bahru.

[6] Plaintif telah melantik defendan pertama sebagai peguamcaranya untuk memulakan prosiding penggulungan syarikat terhadap Bersatu Noodles Industries Sdn Bhd ('Bersatu Noodles').

[7] Sebagai sebuah syarikat asing, plaintif memerlukan seorang ejen proses di bawah undang-undang untuk menerima kertas kausa bagi pihak plaintif dan defendan kedua telah dilantik oleh plaintif bertindak sebagai ejen plaintif untuk menandatangani segala dokumen bagi pihak plaintif.

[8] Semasa prosiding penggulungan syarikat tersebut, plaintif telah mencapai penyelesaian dengan Bersatu Noodles di mana Bersatu Noodles adalah dikehendaki untuk membayar RM1,553,555.46 melalui ansuran bulanan sebagai penyelesaian penuh.

[9] Pihak-pihak telah bersetuju bahawa defendan pertama akan menerima jumlah penyelesaian penuh tersebut untuk dan bagi pihak plaintif dan mengemukakan wang yang diterima tersebut kepada plaintif.

[10] Defendan pertama telah menerima jumlah penyelesaian tersebut secara berperingkat melalui 11 keping cek daripada Bersatu Noodles berjumlah RM1,553,555.46. Defendan pertama hanya membayar kepada plaintif melalui empat keping cek berjumlah RM582,725 manakala baki enam ansuran bulanan lagi sebanyak RM902,597.11 telah dibayar oleh plaintif pertama kepada defendan kedua sebagai ejen plaintif.

KES PLAINTIF

[11] Plaintif merupakan sebuah syarikat yang ditubuhkan di Shenzhen, China dan melalui surat bertarikh 16 Julai 2012 plaintif telah melantik firma guaman defendan pertama untuk mewakili plaintif di dalam prosiding

penggulungan syarikat terhadap Bersatu Noodles (rujuk ms 1 ikatan dokumen bersama ('IDB')).

[12] Melalui surat bertarikh 16 Julai 2012, plaintif telah melantik defendan kedua untuk bertindak sebagai ejen plaintif dan menandatangani segala dokumen bagi pihak plaintif (*to act as our agent and to execute documents on our behalf if necessary in the above action*) (rujuk ms 14 IDB).

[13] Pihak plaintif dan Bersatu Noodles telah mencapai penyelesaian dalam prosiding penggulungan syarikat di mana Bersatu Noodles telah bersetuju membayar wang sejumlah RM1,553,555.46 secara ansuran ke dalam akaun defendan pertama sebagai pemegang amanah bagi pihak plaintif.

[14] Plaintif hanya menerima RM582,725 daripada defendan pertama walaupun Bersatu Noodles telahpun membayar kepada defendan pertama keseluruhan RM1,553,555.46 tersebut.

[15] Setelah memberi beberapa notis tuntutan kepada defendan pertama untuk menuntut baki penyelesaian penuh sebanyak RM902,597.11 barulah plaintif mengetahui bahawa defendan pertama telah memberikan baki penyelesaian penuh tersebut kepada defendan kedua tanpa pengetahuan plaintif.

[16] Plaintif berhujah plaintif tidak menyedari mengenai pemberian baki wang penyelesaian penuh tersebut kepada defendan kedua dan plaintif tidak pernah membenarkan defendan pertama untuk memberikan wang tersebut kepada defendan kedua.

[17] Plaintif mengatakan defendan pertama telah melanggar kewajipan fidusiarinya sebagai pemegang amanah (*stakeholder*) dan telah bertindak melanggari undang-undang apabila menyerahkan baki penyelesaian penuh tersebut sebanyak RM902,597.11 kepada defendan kedua tanpa kebenaran dan pengetahuan plaintif.

[18] Plaintif selanjutnya berhujah secara alternatif, bahawa defendan pertama dan defendan kedua menerima baki penyelesaian penuh sebagai pemegang amanah bagi pihak plaintif dan oleh yang demikian defendan pertama dan defendan kedua wajib dibawah undang-undang untuk membayar baki penyelesaian penuh tersebut apabila diminta oleh plaintif.

KES DEFENDAN PERTAMA

[19] Pada atau sekitar Julai 2012, plaintif telah melantik defendan pertama sebagai peguamcara untuk memulakan prosiding penggulungan syarikat terhadap Bersatu Noodles.

[20] Plaintif juga memberi kuasa kepada defendan kedua untuk bertindak sebagai ejen plaintif dan untuk menandatangani segala dokumen bagi plaintif. Sejak itu, defendan kedua sebagai ejen telah memberi arahan kepada defendan pertama.

[21] Menurut defendan pertama, atas arahan defendan kedua, penyelesaian telah dicapai dengan Bersatu Noodles di mana Bersatu Noodles adalah dikehendaki untuk membayar RM1,553,555.46 melalui ansuran bulanan sebagai penyelesaian penuh.

[22] Dari semasa ke semasa, defendan pertama telah menerima jumlah penyelesaian tersebut secara berperingkat melalui 11 keping cek untuk dan bagi pihak Bersatu Noodles menjelaskan jumlah penyelesaian tersebut.

[23] Selepas menerima setiap ansuran bulanan yang dibuat oleh Bersatu Noodles defendan pertama menolak sebahagian fi guaman dan perbelanjaan yang dipersetujui dan terus mengemukakan baki ansuran bulanan kepada plaintif dan/atau defendan kedua sebagai ejen plaintif.

[24] Defendan pertama telah memajukan RM582,725 kepada plaintif melalui pindahan bertelegraf (*telegraphic transfer*) pada 23 Oktober 2012, 6 Disember 2012, 2 Januari 2013 dan 1 Februari 2013.

[25] Selepas itu, defendan kedua telah mengarahkan defendan pertama untuk memajukan kepada defendan kedua baki enam ansuran bulanan selepas ditolak fi guaman dan perbelanjaan yang dipersetujui. Oleh yang demikian, defendan pertama telah mengeluarkan enam keping cek yang berjumlah RM902,597.11 kepada defendan kedua.

[26] Pada setiap masa material, defendan pertama tidak pernah menerima apa-apa pertanyaan ataupun aduan tentang enam ansuran bulanan yang kononnya tidak diterima oleh plaintif dari semasa ke semasa. Defendan pertama telah didorong untuk mempercayai bahawa pembayaran enam ansuran bulanan kepada defendan kedua adalah dalam bidang kuasa defendan kedua sebagai ejen bagi plaintif. Oleh yang demikian, plaintif adalah diestop daripada menuntut terhadap defendan pertama.

A **[27]** Plaintif hanya membangkitkan isu mengenai plaintif tidak menerima jumlah tuntutan plaintif kepada defendan pertama melalui surat peguamcara plaintif iaitu Tetuan Battenberg & Talma bertarikh 26 Mac 2015.

B **[28]** Defendan pertama telah melaksanakan tugasnya dengan memajukan jumlah tuntutan plaintif kepada defendan kedua sebagai ejen bagi plaintif. Defendan pertama tidak lagi memegang apa-apa wang bagi plaintif.

C **[29]** Defendan pertama telah memfailkan notis terhadap defendan kedua untuk menuntut sumbangan, indemniti dan/atau relif lain mengikut A 16 k 8 KKM 2012 sekiranya defendan pertama didapati bertanggungan terhadap tuntutan plaintif.

KES DEFENDAN KEDUA

D **[30]** Defendan kedua telah diperkenalkan oleh Ling Chee Hiang @ Lim Chee Hiang kepada seorang warganegara China bernama Liu Zhusen.

E **[31]** Liu Zhusen telah memaklumkan kepada defendan kedua bahawa syarikat plaintif memerlukan seorang pembantu untuk menolong menguruskan hutang yang tertunggak oleh Bersatu Noodles kepada syarikat plaintif pada masa material tersebut di mana tugas tersebut tidak dapat dan/atau gagal disempurnakan oleh Liu Zhusen.

F **[32]** Defendan pertama diperkenalkan kepada syarikat plaintif oleh defendan kedua dan defendan pertama kemudiannya dilantik sebagai peguam untuk mewakili plaintif bagi memulakan satu prosiding penggulungan syarikat terhadap Bersatu Noodles.

G **[33]** Oleh kerana prosiding penggulungan syarikat tidak boleh dimula di Malaysia tanpa tandatangan wakil plaintif di atas kertas kausa mahkamah, defendan pertama telah atas usaha sendiri dan/atau dibantu oleh Liu Zhusen mendapatkan satu perwakilan kuasa daripada plaintif kepada defendan kedua
H tanpa pengetahuan dan/atau keizinan defendan kedua.

[34] Surat perwakilan kuasa daripada plaintif tersebut telah diperolehi dan/atau disediakan oleh defendan pertama sendiri dan defendan kedua tidak pernah diberi sesalinan yang sama serta diterangkan kandungannya.

I **[35]** Pada semua masa material defendan pertama tidak pernah terlibat dalam urusan mendapatkan apa-apa dokumen berkaitan dengan bukti hutang Bersatu Noodles serta rundingan dengan Bersatu Noodles bagi mendapatkan balik hutang Bersatu Noodles dengan syarikat plaintif.

[36] Defendan kedua yang pada permulaan enggan menandatangani sebarang dokumen bagi plaintif kerana bimbang akibat yang mungkin ditanggung, tetapi atas representasi salah dan paksaan daripada defendan pertama, defendan kedua telah menandatangani petisyen penggulungan dan afidavit sokongan bagi memulakan prosiding penggulungan syarikat.

[37] Atas kecuaian defendan pertama sendiri, sebanyak enam keping cek selama enam bulan berturut-turut telah dikeluarkan atas nama defendan kedua oleh defendan pertama tanpa mendapatkan kebenaran dan/atau pengesahan syarikat plaintif terlebih dahulu menyebabkan defendan kedua didorong untuk mempercayai bahawa cek-cek tersebut adalah komisen dan/atau sumbangan yang mana defendan kedua berhak untuk menerimanya.

SENARAI SAKSI

[38] Plaintif telah mengemukakan dua orang saksi untuk memberi keterangan seperti berikut:

(a) Li Zhong (PW1); dan

(b) Ling Chee Hiang @ Lim Chee Hiang (PW2).

[39] Defendan pertama hanya mengemukakan seorang saksi iaitu Encik Ong Ban Chai ('DW1-1').

[40] Defendan kedua telah mengemukakan dua orang saksi:

(a) Encik Chong Fook Yong (DW2-1); dan

(b) Dato' Yap Swee Hua (DW2-2).

DAPATAN DAN KEPUTUSAN MAHKAMAH

[41] Terdapat beberapa isu untuk dibicarakan dalam kes ini

Isu pertama

(a) Sama ada defendan pertama dan kedua mempunyai kewajipan fidusiari kepada plaintif

[42] Setelah meneliti dan menimbangkan keterangan saksi-saksi dan dokumen-dokumen yang dikemukakan serta membaca hujahan bertulis yang difailkan oleh kesemua pihak, saya berpandangan defendan pertama dan kedua mempunyai kewajipan fidusiari kepada plaintif berdasarkan kepada alasan-alasan yang berikut:

A (a) adalah menjadi fakta yang tidak dipertikaikan defendan pertama telah dilantik untuk menjadi peguam plaintif di dalam prosiding penggulungan syarikat di antara plaintif dan Bersatu Noodles (rujuk ms 1 IDB);

B (b) semasa prosiding penggulungan syarikat tersebut, pihak plaintif dan Bersatu Noodles telah mencapai penyelesaian dan persetujuan bersama di mana Bersatu Noodles akan membayar plaintif RM1,553,555.46 sebagai jumlah penyelesaian penuh kepada plaintif secara bayaran ansuran;

C (c) pihak-pihak juga bersetuju bahawa defendan pertama akan menerima wang tersebut sebagai pemegang amanah (*stakeholder*) untuk memberi wang yang diterima tersebut kepada plaintif selepas menerima wang tersebut daripada Bersatu Noodles;

D (d) adalah juga tidak dipertikaikan yang Bersatu Noodles telah melangsaikan dan membuat wang penyelesaian penuh tersebut kepada defendan pertama. Walau bagaimanapun, defendan pertama hanya memberi RM582,725 kepada plaintif dan baki wang penyelesaian penuh sebanyak RM902,597.11 lagi telah diberikan kepada defendan kedua sebagai ejen plaintif;

E (e) berdasarkan kepada rentetan peristiwa di atas, adalah jelas dari segi undang-undang bahawa apabila defendan pertama menerima wang penyelesaian penuh daripada Bersatu Noodles untuk diberikan kepada plaintif, defendan pertama sebenarnya telah memegang wang tersebut bagi pihak plaintif sebagai 'stakeholder' (pemegang amanah) kepada plaintif;

F (f) oleh kerana wujudnya elemen 'stakeholder' (pemegang amanah) di antara plaintif dan defendan pertama ini maka defendan pertama adalah berkewajipan dan mempunyai tanggungjawab fidusiari terhadap plaintif ke atas wang penyelesaian penuh tersebut;

G (g) mengenai defendan kedua pula, saya mendapati plaintif telah melantik defendan kedua 'to act as our agent and to excute documents' (rujuk ms 14 IDB). Dalam erti kata lain, plaintif telah melantik defendan kedua sebagai ejennya dan bertindak untuk menyempurnakan dokumen yang berkaitan dengan prosiding penggulungan syarikat dengan Bersatu Noodles;

H (h) oleh yang demikian, saya berpendapat apabila defendan pertama melepaskan baki wang penyelesaian sebanyak RM902,597.11 tersebut kepada defendan kedua sebagai ejen plaintif melalui enam keping cek secara ansuran maka defendan kedua menerima baki wang penyelesaian penuh tersebut sebagai pemegang amanah bagi pihak plaintif dan adalah menjadi tanggungjawab defendan kedua untuk menyerahkan

I

baki wang penyelesaian penuh tersebut kepada plaintif yang mana ianya telah gagal dilakukan oleh defendan kedua; dan

(i) berdasarkan kepada fakta tersebut, saya mendapati defendan kedua mempunyai tanggungjawab fidusiari ke atas plaintif bagi memastikan baki wang penyelesaian penuh yang diterimanya dari defendan pertama sebanyak RM902,597.11 tersebut diserahkan kepada plaintif.

[43] Dapatan saya mengenai perkara ini diperkukuhkan lagi berdasarkan kepada banyak nas undang-undang. Satu daripada nas undang-undang tersebut adalah kes *The Board of Trustees of the Sabah Foundation & Ors v Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed & Anor* [2008] 5 MLJ 469 di ms 488–489 di mana Mahkamah Persekutuan telah membincangkan mengenai frasa 'fidusiari' dan 'trustee' dengan merujuk kepada kes yang diputuskan oleh Millet LJ di dalam *Bristol and West Building Society v Mothew* [1998] Ch 1 yang dinyatakan seperti berikut:

> A fiduciary is someone who has undertaken to act for or on behalf of another in a particular manner in circumstances which give to a relationship of trust and confidence. The distinguishing obligation of a fiduciary is the obligation of loyalty. The principle is entitled to the single-minded loyalty of his fiduciary. This core liability has several facets. A fiduciary must act in good faith; he must not make a profit out of his trust; he must not place himself in a position where his duty and his interest may conflict; he may not act for his own benefit or the benefit of a third person without the informed consent of his principal. This is not intended to be an exhaustive list, but it is sufficient to indicate the nature of fiduciary obligations. They are the defining characteristics of the fiduciary.
>
> The nature of the obligation determines the nature of the breach. The various obligations of a fiduciary merely reflect different aspects of his core duties of loyalty and fidelity. Breach of fiduciary obligation, therefore, connotes disloyalty or infidelity. More competence is not enough. A servant who loyally does his incompetent best for his master is not unfaithful and is not guilty of a breach of fiduciary duties.

[44] Dalam pada itu, dalam kes *Lee Hark Lam & Ors v Kebun Rimau Sdn Bhd & Anor* [2016] 6 MLJ 751 Mahkamah Rayuan telah berkata:

> [24] The learned trial judge found that the first appellant was a fiduciary of Tan Sri Harris and the first respondent. Being in a fiduciary relationship with the first respondent, the first appellant had a fiduciary duty to ensure that the first respondent received what they had paid for. This was clearly evident by the fact that the first appellant was entrusted by the first respondent's letter dated 11 May 2005 (exh B(2)) with the task to the purchase of 8446.31 acres of land at Beaufort. The first appellant had indicated his acceptance of the task entrusted to him at the professional fees of RM450,000 in his own hand writing in the said letter itself. Thus by accepting the task entrusted to him to purchase the 8446.43 acres of land at Beaufort for the first respondent, the first appellant had clearly put himself in a

fiduciary relationship with the first respondent. There is an abundance of authority which describes this kind of relationship as one that would come within the ambit of a fiduciary relationship. Millet LJ in *Bristol and West Building Society v Mothew; (t/a Stapley & Co)* [1996] 4 All ER 698 at p 711 said:

> A fiduciary is someone who had undertaken to act for or on behalf of another in a particular matter in circumstances which give to a relationship of trust and confidence.

[25] In *Tengku Abdullah Ibni Sultan Abu Bakar & Ors v Mohd Latiff Shah Mohd & Ors and other appeals* [1996] 2 MLJ 265; [1997] 2 CLJ 607, this court had referred to a passage from *Reading v The King* [1949] 2 KB 232 as follows:

> A consideration of the authorities suggest that for present purpose a fiduciary relation exists (a) whenever the plaintiff entrusts to the defendant property, including tangible property as, for instance confidential information, and relies on the defendant to deal with such property for the benefit of the plaintiff or for purposes authorized by him and not otherwise ... and (b) whenever the plaintiff entrusts to the defendant a job to be performed, for instance, the negotiation of a contract on his behalf or for the benefit, and relies on the defendant to procure for the plaintiff the best terms available.

[45] Dalam kes *Gurbachan Singh s/o Bagawan Singh & Ors v Vellasamy s/o Pennusamy & Ors (on their behalf and for the 213 sub-purchasers of plots of land known as PN35553, Lot 9108, Mukim Hutan Melintang, Hilir Perak) and other appeals* [2015] 1 MLJ 773 di ms 796; [2015] 1 CLJ 719 di ms 743 Mahkamah Persekutuan telah berkata:

> For a person to be a fiduciary he must first and foremost have bound himself in some way to protect and/or to advance the interests of another. This is perhaps the most obvious of the characteristics of the fiduciary office for equity will only oblige a person to act in what he believes to be another's interests if he himself has assumed a position which requires him to act for or on behalf of that other in some particular matter ... Thus, the essential element is that there must be some undertaking on the part of the fiduciary to act with loyalty in the interest of the other party. A fiduciary is someone who has undertaken to act for or on behalf of another in a particular matter in circumstances which give rise to a relationship of trust and confidence.

[46] Selanjutnya Mahkamah Agong (pada ketika itu) di dalam kes *Toh Theam Hock v Kemajuan Perwira Management Corp Sdn Bhd* [1988] 1 MLJ 116 di ms 118 telah berkata:

> What is in essence stakeholding? The word 'stake' is in common parlance used to apply to any money to be disposed of in accordance with what may happen in future: and whoever is in possession of the money is often described as a stakeholder. The manner in which the money is to be disposed of depends on the terms on which it is held.
>
> ... In the present case no doubt the appellant was retained as solicitor by the respondents during the material period. In the absence of any agreement to the

contrary it would be easy to conclude that the appellant would have received deposits on behalf of the respondents as their agent or trustee.

[47] Oleh yang demikian, berdasarkan kepada nas undang-undang di atas adalah jelas bahawa sebagai 'stakeholder' (pemegang amanah) kepada plaintif, defendan pertama sebagai pemegang amanah plaintif mempunyai tanggungjawab dan kewajipan fidusiari terhadap plaintif untuk memastikan wang RM902,597.11 dibayar kepada plaintif. Defendan kedua selaku ejen plaintif yang telah menerima wang RM902,597.11 tersebut daripada defendan pertama sebagai pemegang amanah plaintif mempunyai tanggungjawab fidusiari ke atas plaintif bagi memastikan baki wang penyelesaian penuh tersebut diserahkan kepada plaintif.

(b) Sama ada defendan pertama dan defendan kedua telah melanggari kewajipan fidusiari untuk melepaskan RM902,597.11 kepada plaintif

[48] Dalam kes ini adalah tidak dinafikan bahawa defendan pertama telah menerima wang penyelesaian penuh berkaitan tindakan prosiding penggulungan syarikat daripada Bersatu Noodles sebagai 'stakeholder' kepada plaintif dan telahpun melepaskan wang sebanyak RM582,725 kepada plaintif melalui ansuran empat keping cek manakala baki wang sebanyak RM902,597.11 lagi telah dilepaskan kepada defendan kedua sebagai ejen plaintif untuk diserahkan kepada plaintif.

[49] Berdasarkan keterangan yang dikemukakan di mahkamah melalui keterangan DW1-1 ('DWS1-1') Encik Ong Ban Chai, saya mendapati defendan pertama telah gagal mengambil langkah berhati-hati dan berjaga-jaga sebelum melepaskan baki wang penyelesaian penuh tersebut sebanyak RM902,597.11 kepada defendan kedua.

[50] Walaupun DW1-1 mengatakan beliau berbuat demikian atas arahan defendan kedua kerana defendan kedua adalah ejen plaintif, defendan pertama sepatutnya menentusahkan (*verify*) terlebih dahulu dengan plaintif sebelum melepaskan baki wang penyelesaian penuh tersebut kepada defendan kedua kerana empat ansuran sebelum ini telah dibayar terus oleh defendan pertama kepada plaintif dan bukan melalui defendan kedua. Ini dapat dilihat melalui penyataan saksi DW1-1 seperti berikut:

Penyataan saksi DWS1-1 Ong Ban Chai

Q:41 : How about the remaining instalments your firm received towards the full settlement sum?

A : My firm paid to the 2nd Defendant

Q:42 : Who gave you instructions?

A : 2nd Defendant instructed us to release the remaining 6 instalments directly to her and she would release lump sum to the Plaintiff as instructed by the Plaintiff

Q:43 : Did you verify 2nd Defendant's instruction with Plaintiff?

A : No

Q:44 : Why is that so?

A : She is the agent , she gave us instructions

Q:45 : How much in total you have paid to 2nd Defendant?

A : RM902,578.18

[51] Berdasarkan penyataan saksi DWS1-1 tersebut di atas, jelas menunjukkan defendan pertama telah gagal menentusahkan (*verify*) dengan plaintif sebelum wang RM902,597.11 tersebut dilepaskan kepada defendan kedua. Kegagalan defendan pertama mendapat pengesahan, kebenaran atau persetujuan daripada plaintif mengenai perkara tersebut telah menunjukkan yang defendan pertama telah gagal melaksanakan tanggungjawabnya dan telah melanggari kewajipan fidusiarinya kepada plaintif.

[52] Begitu juga dengan defendan kedua sebagai ejen dan pemegang amanah kepada plaintif, defendan kedua seharusnya mengemukakan wang RM902,597.11 tersebut kepada plaintif sebaik sahaja wang tersebut dilepaskan oleh defendan pertama kepadanya. Defendan kedua telah gagal berbuat demikian, sebaliknya defendan kedua menyatakan duit tersebut dibayar kepadanya sebagai komisen.

[53] Mahkamah mendapati penyataan defendan kedua mengenai komisen ini sukar dipercayai kerana sekiranya mahkamah mempercayai keterangan defendan kedua bahawa wang RM902,597.11 tersebut adalah merupakan komisen ianya adalah sesuatu yang tidak munasabah kerana ini bermakna jumlah yang dikatakan 'komisen' tersebut adalah melebihi daripada wang yang telah diterima oleh plaintif daripada defendan pertama iaitu sebanyak RM582,725.

[54] Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Datuk M Kayveas & Anor v Bar Council* [2013] 5 MLJ 640 di ms 661; [2013] 7 CLJ 533 di ms 557–588 telah berkata:

> Solicitors who hold funds which are paid to them as stakeholders hold those funds as trustees for the client, whose property the funds remains at all times. Such funds are not held in a contractual or quasi-contractual capacity. The obligations arising under a solicitor's undertaking go beyond contractual effect. They are obligations which a solicitor has a professional duty, as well as a contractual duty, to observe. When solicitors hold funds as stakeholders, they hold those funds as trustees and not in a stakeholders, they hold those funds as trustees and not in a contractual or quasi contractual capacity.

[55] Selanjutnya Mahkamah Persekutuan di dalam kes yang sama di ms 665 (MLJ); ms 563 (CLJ) telah berkata:

> [39] Here, the alleged inadvertence was that monies were released to the managing director of the vendor and not to the vendor as intended. But that so called inadvertence was not that sort of negligence that could be excused for the purposes of disciplinary action, for even if the money had been released to the vendor as intended, it would still be misconduct. The undertaking was that no monies were to be released before redemption of the land. On the facts, it was a conscious breach of the undertaking. Now given that it was a conscious breach, the pleas of negligence could not be heard.

[56] Oleh yang demikian, berdasarkan rantaian fakta kes dan nas undang-undang yang dinyatakan di atas, mahkamah berpuashati defendan pertama dan Kedua sebagai pemegang amanah plaintif telah melanggari kewajipan fidusiarinya terhadap plaintif apabila defendan pertama telah melepaskan wang penyelesaian RM902,597.11 tersebut kepada defendan kedua tanpa pengetahuan atau kebenaran plaintif dan defendan kedua selaku ejen plaintif pula telah gagal mengemukakan wang tersebut kepada plaintif.

[57] Di dalam kes *Pengerang Farm Sdn Bhd v Pentadbir Tanah Daerah Kota Tinggi* [2017] MLJU 214 Mahkamah Rayuan mengatakan:

> [11] ... In law, the party who desires the court to give judgment as to any legal right or liability bears the burden of proof (s 101(1) of the Evidence Act 1950). The burden of proof on that party is twofold: (i) the burden of establishing a case; and (ii) the burden of introducing evidence. The burden of proof lies on the party throughout the trial. The standard of proof required of the claimant is on the balance of probabilities.

[58] Berdasarkan kepada fakta dan nas undang-undang yang tersebut di atas, saya berpuas hati plaintif berjaya membuktikan kesnya di atas kadar keberangkalian (*balance of probabilities*) ke atas defendan pertama dan kedua kerana sebagai pemegang amanah mereka mempunyai kewajipan fidusiari terhadap plaintif dan telah melanggar kewajipan fidusiari tersebut.

[59] Dalam mencapai keputusan ini, saya telah mengambil maklum bantahan yang dibuat oleh peguam defendan kedua yang terpelajar ke atas dua pucuk surat defendan kedua kepada plaintif masing-masing bertarikh 9 September 2015 dan 29 September 2015 dan surat daripada peguam plaintif, Tetuan Lau, Wong & Partners kepada defendan kedua bertarikh 23 September 2015 (ms 20–23 IDB) atas alasan kesemua surat tersebut dibuat atas dasar tanpa prasangka (*without prejudice*) di mana ianya tidak boleh diterima sebagai keterangan melainkan terdapat persetujuan dicapai mengenai cadangan yang dibuat di dalam surat-surat tersebut.

[60] Setelah meneliti kesemua surat tersebut, saya bersetuju dengan hujahan peguam defendan kedua yang terpelajar bahawa surat-surat tersebut adalah merupakan surat-surat yang dibuat semasa proses rundingan untuk penyelesaian yang dibuat atas dasar tanpa prasangka. Oleh yang demikian, saya menolak dan mengabaikan surat-surat tersebut sebagai keterangan di dalam kes ini kerana ianya dibuat atas dasar tanpa prasangka.

KESIMPULAN

[61] Oleh yang demikian, berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, mahkamah telah:

(a) membenarkan tuntutan plaintif terhadap defendan pertama dan defendan kedua di perenggan 21(a), (b) dan (c) penyataan tuntutan;

(b) liabiliti terhadap defendan pertama dan defendan kedua adalah masing-masing bertanggungan sebanyak 50% kepada plaintif; dan

(c) defendan pertama dan defendan kedua membayar kos mengikut skala mahkamah rendah kepada plaintif.

Notis daripada defendan pertama kepada defendan kedua untuk menuntut sumbangan, indemniti dan/atau relif lain mengikut A 16 k 8 KKM 2012

(c) Sama ada defendan pertama telah didorong dan/atau direpresentasikan untuk mempercayai bahawa pembayaran RM902,597.11 melalui enam ansuran kepada defendan kedua adalah dalam bidang kuasa defendan kedua sebagai ejen plaintif

[62] Adalah tidak dipertikaikan bahawa Bersatu Noodles telah membayar RM1,553,555.46 melalui ansuran bulanan sebagai penyelesaian penuh.

[63] Pihak-pihak telah bersetuju bahawa defendan pertama akan menerima jumlah penyelesaian penuh tersebut untuk dan bagi pihak plaintif dan mengemukakan wang yang diterima tersebut kepada plaintif.

[64] Defendan pertama telah menerima secara berperingkat melalui 11 keping cek daripada Bersatu Noodles berjumlah RM1,553,555.46. Defendan pertama hanya membayar plaintif sebanyak RM582,725 melalui empat keping cek manakala baki enam ansuran bulanan lagi sebanyak RM902,597.11 telah dibayar oleh defendan pertama kepada defendan kedua sebagai ejen bagi plaintif.

[65] Defendan pertama telah melepaskan wang RM902,597.11 kepada defendan kedua kerana menurut defendan pertama, defendan kedua telah memberi arahan untuk berbuat demikian.

Penyataan saksi DWS1-1 Ong Ban Chai

Q:42 : Who gave you instructions?

A : 2nd Defendant instructed us to release the remaining 6 instalments directly to her and she would release lump sum to the Plaintiff as instructed by the Plaintiff

Q:43 : Did you verify 2nd Defendant's instruction with Plaintiff?

A : No

Q:44 : Why is that so?

A : She is the agent, she gave us instructions

Q:47 : How was RM902,578.18 paid

Q:11 : How was 2nd Defendant involved in the claim

A : 2nd Defendant was appointed to act as Plaintiff's agent and to execute documents on Plaintiff's behalf if necessary

Q:12 : Do you have any document to the effect?

A : Yes. During the meeting with 2nd Defendant and Liu Zhusen, I requested for a letter of authorization. Subsequently, I received Letter of Authorization dated 16.7.2012.

Q:13 : PI turn to Common Bundle of Documents, page 14. Is this the Letter of Authorization you mention?

A : Yes.

[66] Berdasarkan kepada penyataan saksi DWS1-1 Ong Ban Chai tersebut, defendan pertama yakin dan mempercayai bahawa defendan kedua adalah ejen bagi plaintif kerana:

(a) berdasarkan arahan yang diberi oleh defendan kedua kepada defendan pertama; dan

(b) berdasarkan surat perwakilan kuasa (*letter of authorisation*) bertarikh 16 Julai 2012 yang dikeluarkan oleh plaintif yang telah melantik defendan kedua 'to act as our agent and to execute documents on our behalf if necessary in the above action'.

[67] Defendan kedua telah memberi keterangan yang berbeza dan bertentangan dengan keterangan defendan pertama. Ini dapat dilihat daripada penyataan saksi DWS2-2 Dato' Yap Swee Hua seperti berikut:

Penyataan saksi DWS2-2 Dato' Yap Swee Hua

Q:8 : Apakah yang Dato' lakukan selepas perkenalkan Defendan Pertama kepada Lin Zhusen

A : ... saya tidak pernah diserahkan apa-apa dokumen oleh Syarikat Plaintif walaupun melalui Lin Zhusen

Q:10 : Apa yang Dato' maklumkan kepada Defendan Pertama selepas Defendan Pertama meminta kamu tolong menandatangani dokumen-dokumen bagi syarikat Plaintif?

A : Saya katakan saya enggan berbuat demikian kerana ia akan melibatkan isu undang-undang yang tidak boleh diramalkan yang mana saya akan dan perlu tanggung jika berlaku pertikaian sedangkan saya cuma perkenalkan syarikat Plaintif kepada Defendan Pertama.

Q:11 : Apa yang dilakukan oleh Defendan Pertama selepas itu?

A : ... Defendan Pertama telah mendapatkan satu surat perlantikan daripada syarikat Plaintif yang memberi kuasa kepada saya untuk menandatangani dokumen-dokumen tentang penggulungan syarikat

Q:12 : Apa reaksi Dato' selepas digesa oleh Defendan Pertama untuk menandatangani dokumen tentang penggulungan syarikat?

A : ... Defendan Pertama telah berkata dokumen perlu di tandatangani dengan segera dan tiada apa-apa yang perlu dirisaukan kerana firma Defendan Pertama telah mendapatkan surat perlantikan kuasa berkaitan.

Q:13 : Apakah kandungan surat perlantikan itu

A : Saya tidak tahu tentang kandungannya

Q:14 : Apa yang Dato' maksudkan tidak tahu tentang kandungan surat perlantikan itu?

A : Saya tidak tahu langsung bagaimana Defendan Pertama dapatkan surat perlantikan itu. Defendan Pertama juga tidak pernah bincang tentang kandungan serta sifat-sifat surat perlantikan itu dengan apa cara sekalipun. Saya juga tidak pernah diberikan salinan surat perlantikan kuasa itu sehingga kini.

Q:19 : Saya rujuk Dato' kepada satu surat di muka surat 14 Ikatan Dokumen Bersama (surat pewakilan kuasa Defendan Kedua), adakah Dato' diberikan sesalinan surat berkenaan sebelum Dato' turunkan tandatangan pada dokumen) PI turn to Common Bundle of Documents, page 14. Is this the Letter of Authorization you mention?

A : Tiada, sehingga kini pun tidak ada

[68] Berdasarkan kepada penyataan saksi DWS2-2 di atas, jelas menunjukkan yang defendan kedua:

(a) tidak tahu menahu langsung mengenai kewujudan surat perwakilan kuasa bertarikh 16 Julai 2012 tersebut;

(b) tidak tahu menahu langsung mengenai kandungan surat perwakilan kuasa tersebut;

(c) hanya mengetahuinya setelah dimaklumkan oleh defendan pertama bahawa firma defendan pertama telah mendapatkan surat perwakilan kuasa tersebut; dan

(d) telah dipujuk, digesa dan diberi jaminan oleh defendan pertama bahawa kedudukan defendan kedua adalah terjamin setakat hanya menurunkan tandatangan berdasarkan surat perwakilan kuasa tersebut dan ia tidak memberi apa-apa kesan kepada defendan kedua (rujuk QA: 15 DWS2-2).

[69] Defendan pertama pula mengatakan bahawa defendan pertama telah di dorong untuk mempercayai bahawa pembayaran enam ansuran bulanan kepada defendan kedua adalah dalam bidang kuasa defendan kedua sebagai ejen bagi plaintif berdasarkan surat perwakilan kuasa bertarikh 16 Julai 2012 (rujuk ms 14 IDB).

[70] Surat perwakilan kuasa di ms 14 IDB berbunyi seperti berikut:

> we hereby authorize Messr Dato' Yap Swee Hua (No K/P: xxxxxx) of No: xxxxxx to act as our agent and to execute documents on our behalf if necessary in the above claim.

[71] Berdasarkan penelitian kepada kandungan surat perwakilan kuasa di atas, saya mendapati surat perwakilan kuasa yang diberi oleh plaintif tersebut tidak mempunyai apa-apa batasan dan/atau sekatan kepada defendan kedua berdasarkan kepada perkataan 'to act as our agent and to excute documents …'.

[72] Saya berpandangan defendan kedua sebagai ejen plaintif memang berhak untuk memberi arahan kepada defendan pertama dan oleh yang demikian, bayaran oleh defendan pertama kepada defendan kedua sebagai ejen plaintif adalah sah.

[73] Di dalam kes Mahkamah Tinggi *Ahmad bin Daud v Koperasi Jimat Cermat dan Pinjaman Mercantile Bhd* [2011] 4 MLJ 516 di ms 522 fakta yang hampir sama dengan kes ini di mana defendan di dalam kes ini telah bersetuju untuk membayar kepada plaintif komisen berjumlah RM1.6 juta. Wang sejumlah RM674,532.41 telah dibayar oleh defendan terus kepada plaintif. Kemudiannya, baki komisen telah dibayar kepada ejen plaintif. Mahkamah merujuk kepada surat pemberian kuasa dan berkata:

> Upon a close perusal of the words used in the letter of authorisation, I find it is *generally worded* and as far as the defendant is concerned, it was correct to take the position that the plaintiff has fully authorised Rama to act and represent him on all personal matters being the plaintiff's claim for balance of commission due from the defendant which include to acquire or *receive the same from the defendant as undoubtedly there is no limitation expressed therein* … (Penekanan ditambah.)

A **[74]** Pada hakikatnya, defendan kedua telah bertindak sebagai ejen plaintif dari semasa ke semasa sebelum defendan pertama diarahkan oleh defendan kedua untuk melepaskan baki jumlah penyelesaian kepadanya. Ini dapat dibuktikan melalui beberapa aspek:

B (a) defendan kedua telah memperkenalkan diri sendiri sebagai ejen plaintif apabila berjumpa dengan defendan pertama kali pertama;

(b) defendan pertama telah diberikan surat pemberian kuasa oleh plaintif; dan

C (c) defendan kedua telah memfakskan kad pengenalan kepada defendan pertama semasa penyediaan kertas kausa bagi penggulungan syarikat Bersatu Noodles. Pada keesokan, defendan kedua telah menandatangani kertas kausa tersebut.

D **[75]** Walaupun defendan kedua tidak mengaku yang dia adalah ejen bagi plaintif tetapi sewaktu di dalam pemeriksaan balas oleh peguam defendan pertama yang terpelajar defendan kedua mengaku yang beliau adalah ejen plaintif.

E Nota keterangan muka surat 148

HSG : Ok dalam surat ini, Dato' juga tidak pertikaikan Dato' ialah agent Plaintif dalam prosiding penggulungan syarikat BNI , betul?

DW2-2 : Setuju YA

F

[76] Saya mendapati defendan kedua memberi keterangan yang tidak konsisten dan berdolak dalik. Kedudukan defendan kedua menjadi tidak konsisten apabila defendan pertama menuntut terhadap defendan kedua. Pembelaan defendan kedua (dalam prosiding A 16 k 8 KKM 2012), **G** mengatakan:

(a) 'Surat Pemberian Kuasa *tanpa mendapatkan keizinan daripada Defendan Kedua terlebih dahulu*' (IP2 ms 13, per 12); dan

H (b) 'penyelesaian dicapai ... dengan dibantu dengan usaha oleh Liu Zhusen ... *tanpa sebarang penglibatan Defendan Kedua*'. (IP2, ms 11, per 6); (Penekanan ditambah.)

[77] Manakala di penyata saksi pula defendan kedua telah mengatakan:

I S10 : Apakah yang Dato' maklumkan kepada Defendan Pertama selepas Defendan Pertama meminta kamu tolong menandatangani dokumen-dokumen bagi pihak syarikat Plaintif?

Jawapan : ... *saya cuma perkenalkan syarikat Plaintif kepada Defendan Pertama*' *(penekanan diberi)*

34. Soalan: Apakah tindakan selanjutnya Dato' selepas itu?

Jawapan : Saya telah berbincang dengan Tetuan Lau Wong & Partners tentang bayaran itu sebenarnya telah disahkan oleh peguam syarikat Plaintif sendiri iaitu Defendan Pertama dan cek-cek itu telah dikeluarkan oleh Defendan Pertama secara sukarela daripada Defendan Pertama menyebabkan saya didorong untuk mempercayai bahawa bayaran itu sebenarnya komisen/ganjaran daripada syarikat Plaintif, dan saya juga hairan kenapa tuntutan ini tidak dibuat serta merta tetapi hanya selepas lebih kurang 3 tahun tanpa apa-apa tindakan daripada syarikat Plaintif. Saya juga ada berdepan dengan Defendan Pertama untuk mendapatkan gambaran tentang apa yang telah berlaku dan difahamkan Defendan Pertama juga akan didakwa ke Mahkamah.

[78] Apabila diperiksa balas, defendan kedua sendiri tidak boleh menyokong pendiriannya secara tegas:

Nota keterangan, muka surat 143, baris 13–20

Peguam D1: Dato' saya telah baca dokumen-dokumen disini tetapi saya tidak berapa jelas tentang kedudukan Dato' berkenaan tindakan penggulungan syarikat antara Bersatu Noodles Industries and Plaintiff. Soalan saya, ada tiga pilihan, Dato' tolong jawab, (1) Dato' bukan ejen Plaintif; atau (2) Dato' adalah ejen Plaintif tanpa pembatasan terhadap skop kerja atau (3) Dato' adalah ejen Plaintif untuk menandatangani dokumen sahaja?

DW2-2: *Saya bukan agent tapi telah disuruh untuk menandatangani dokumen bagi pihak Plaintif oleh peguam*.

Nota keterangan, muka surat 146–147

Peguam D1: Saya juga cadangkan kepada Dato' bahawa jawapan Dato' bahawa 6 bayaran ini adalah commission atau ganjaran juga tidak tepat atau tidak berasas, saya rujuk kepada soalan dan jawapan 24, di sini baris kedua dari bawah, ganjaran/commission. Di soalan 25 juga ada sebut ganjaran/commission. Sama juga di soalan dan jawapan 29, 30, 32, 34, 37, 38, 39, 40, 41. Tadi Dato' telah jawap Dato' bukan agent tetapi disuruh oleh peguam untuk menandatangani dokumen tetapi dalam jawapan dan soalan 24, 25, 29, 30, 32, 34, 37, 38, 39, 40, 41, Dato' telah kata 6 bayaran adalah sebagai commission dan ganjaran. Jadi saya cadangkan jawapan Dato' adalah tidak tepat.

DW2-2: Tak setuju YA.

[79] Daripada keterangan defendan kedua di atas, mahkamah mendapati adalah agak janggal apabila defendan kedua mengatakan baki jumlah penyelesaian yang diterima olehnya adalah merupakan ganjaran/komisyen sedangkan defendan kedua sendiri menafikan beliau adalah ejen bagi plaintif.

[80] Satu lagi yang menyebabkan sukar untuk saya mempercayai yang wang RM902,597.11 tersebut adalah kononnya sebagai komisen untuk defendan kedua adalah kerana bayaran RM902,597.11 adalah 58% daripada jumlah

penyelesaian, malah lebih tinggi daripada jumlah yang diterima daripada plaintif iaitu sebanyak RM582,725. Perkara ini adalah sesuatu yang tidak munasabah untuk dipercayai.

[81] Selanjutnya melalui baucer-baucer bayaran yang ditunjukkan di ms 29–34 IDB yang dikeluarkan oleh defendan pertama kepada defendan kedua selepas defendan kedua menerima ansuran bagi pihak plaintif, jelas menunjukkan beberapa baucer bayaran tersebut telah dikeluarkan kepada defendan kedua sebagai ejen plaintif atau untuk plaintif.

[82] Beberapa baucer di ms 29–34 IDB tersebut jelas menunjukkan bayaran dibuat kepada Yap Swee Hua sebagai ejen kepada Shenzen Heg Import and Export Co Ltd. Defendan kedua telah menerima baucer bayaran tersebut tanpa sebarang bantahan menunjukkan yang defendan kedua sedar, faham dan mengaku yang sememangnya defendan kedua adalah ejen bagi plaintif.

[83] Saya mendapati tidak ada satupun baucer bayaran di ms 29–34 IDB tersebut yang menunjukkan bayaran dibuat kepada defendan kedua sebagai 'komisen atau ganjaran'. Sekiranya benar apa yang dikatakan defendan kedua, sudah tentu baucer bayaran tersebut akan ditulis sebagai komisen dan/atau ganjaran kepada plaintif.

[84] Pada pandangan saya, ianya adalah semata-mata helah defendan kedua yang dicipta untuk mengelak daripada membayar wang tersebut kepada plaintif.

[85] Berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, saya berpuas hati defendan pertama telah melepaskan RM902,597.11 kepada defendan kedua sebagai ejen plaintif berdasarkan surat perwakilan kuasa bertarikh 16 Julai 2012 (ms 14 IDB) yang bukan sekadar membenarkan defendan kedua mewakili plaintif dalam tuntutan Penggulungan syarikat terhadap Bersatu Noodles tetapi termasuk juga menerima baki jumlah penyelesaian penuh tersebut.

[86] Oleh yang demikian, saya mendapati pihak defendan pertama berjaya membuktikan kesnya di atas kadar kebarangkalian (*balance of probabilities*) ke atas defendan kedua dan dengan itu:

(a) membenarkan tuntutan defendan pertama di perenggan 10(a), (b) dan (c) penyataan tuntutan setakat 50% jumlah sumbangan yang perlu dibayar oleh defendan pertama ke atas plaintif; dan

(b) defendan kedua dikehendaki membayar kepada defendan pertama kos mengikut sekala mahkamah rendah.

Tuntutan plaintif dan defendan pertama dibenarkan.

Dilaporkan oleh Izzat Fauzan